

Pelestarian Sastera Rakyat Negeri Sarawak

OLEH MOHAMAD SHAFIQ ROHAIZAD BUYONG

Sastera rakyat atau sastera lisan merupakan satu genre kesusasteraan yang lahir dalam semua kebudayaan manusia.

Keadaan ini berlaku disebabkan ketiadaan sistem tulisan.

Apabila sistem tulisan mula diperkenalkan, sastera lisan sudah pun terlebih dahulu berkembang luas terutama dalam kalangan masyarakat Melayu.

Boleh dikatakan sastera lisan merupakan genre sastera tertua yang wujud dalam ketamadunan kebudayaan Melayu. Biar pun sistem tulisan telah diperkenalkan dalam masyarakat Melayu, namun peranan sistem tulisan ini hanya berlegar dalam institusi elit seperti institusi istana, dalam kalangan keluarga diraja dan golongan bangsawan sahaja. Keraton inilah yang menyebabkan rakyat biasa masih lagi terbelenggu atau berada di tahap rendah iaitu tidak boleh mengenal huruf, membaca atau menulis. Oleh hal demikian, walaupun sistem tulisan telah diperkenalkan, tetapi sastera lisan terus berkembang dalam kalangan masyarakat Melayu, kerana fungsi sistem tulisan hanya terbatas dalam kalangan golongan atasan Melayu sahaja.

Selain itu, selepas ketamadunan Melayu mengalami pasca pemodenan yang mana sistem tulisan jawi diperkenalkan, sastera lisan masih terus berkembang dan dituturkan oleh masyarakat Melayu yang menganggapnya sebagai warisan budaya yang mempunyai nilai yang begitu tinggi. Dalam kita membincangkan sastera lisan, sebenarnya kita tidak dapat lari daripada membincangkan sastera lisan dari sudut konseptual iaitu peranan dan fungsi sastera lisan dalam sesebuah masyarakat. Perlu kita yakini bahawa hampir semua masyarakat di dunia ini mempunyai kebudayaan sastera lisan, dan tidak terhad kepada konteks kebudayaan Melayu semata-mata. Namun, dalam perbincangan ini kita hanya membincangkan sastera lisan dalam kerangka kebudayaan Melayu.

Sastera lisan berfungsi sebagai media hiburan masyarakat Melayu dahulu kala. Dalam memenuhi tujuan tersebut, pencerita atau penglipur lara akan

menggunakan daya kreativiti, olah serta jalan cerita dalam bentuk seni supaya cerita yang disampaikan dapat menarik perhatian pendengar. Dalam membahaskan sastera lisan, dapat kita kategorikan sastera lisan yang bercorak naratif dan bukan naratif. Sastera bersifat naratif seperti mitos, legenda, dan cerita rakyat yang mengandungi elemen kepercayaan, masa berlaku sesuatu peristiwa, tempat atau latar, sikap dan perilaku utama dalam sesebuah cerita. Sastera yang bukan bersifat naratif pula seperti jampi mantera, pantun, peribahasa, bahasa berirama, teka-teki dan sebagainya. Ditambahkan lagi, dalam konteks sastera lisan, selain sebagai media masyarakat Melayu dahulu berhibur, kita juga boleh melihat sastera lisan dari sudut pandang antropologi iaitu sebagai alat pendidikan, pengesan budaya, dan sebagai sistem projeksi.

Penyelidikan Sastera Rakyat di Sarawak

Dalam menyusuri pemodenan ketamadunan manusia, sebenarnya kita tertekan dengan pelbagai perubahan global yang merangkumi perubahan sudut pandang, penaakulan, serta pemahaman. Dalam situasi ini, pemahaman manusia terhadap sastera juga turut akan berubah. Jika dahulu masyarakat Melayu begitu berbangga dengan khazanah budaya yang begitu banyak, kini kebanggaan itu bukan lagi menjadi satu daya ukuran. Kini ketamadunan manusia lebih melihat ketinggian teknologi sebagai satu daya ukuran yang mutlak. Justeru, bahan-bahan bersifat tradisional ini mahu tidak mahu sedikit demi sedikit akan terus ditinggalkan. Hal ini termasuk juga bahan-bahan sastera lisan seperti cerita-cerita rakyat. Kekurangan kelompok manusia yang mempertahankan bahan-bahan tradisi ini bukanlah menjadi perkara yang baharu. Isu ini juga

turut menjadi bahan bualan hangat golongan akademik mahupun pencinta kebudayaan. Dalam melihat fenomena sedemikian, penyelidikan, pengumpulan, dan pembukuan bahan-bahan sastera lisan seperti cerita-cerita rakyat harus dijalankan secepat yang mungkin. Hal ini bertujuan supaya bahan-bahan tradisi ini tidak lenyap dalam kamus sesebuah masyarakat.

Sebenarnya kita tidak ketandusan bahan-bahan tradisi seperti cerita-cerita rakyat. Apabila kita menyebut negeri Sarawak, sudah tentu ada dalam kerangka pemikiran kita iaitu kepelbagaian etnik dan suku kaum yang terdapat di negeri ini. Perlu kita yakini bahawa dalam puluhan etnik yang terdapat di negeri Sarawak boleh dikatakan kita mempunyai ratusan bahan sastera rakyat yang belum lagi diteroka. Justeru, bagi memastikan khazanah budaya ini terus terpelihara, Unit Pembinaan dan Penyelidikan Sastera Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak giat melakukan kerja-kerja penyelidikan dan pengumpulan cerita-cerita rakyat pelbagai genre dengan matlamat ia dapat didokumentasi serta dibukukan.



**Bersama-sama Penghulu Encik Amin Ahmad
Ketua Kaum Kampung Semerah Padi**



Penyelidikan di Kampung Melayu Bau

Dalam proses pengumpulan ini, DBP juga tidak ketinggalan untuk menjalankan projek pengumpulan cerita-cerita rakyat tentang asal usul nama kampung. Projek ini dijalankan sebagai mekanisme untuk memastikan sejarah asal usul nama kampung terus terpelihara dan tidak dilupakan oleh generasi akan datang. Penyelidikan ini telah dimulakan pada tahun 2010 dengan penumpuan pertama diberikan kepada kampung-kampung Melayu di sekitar bahagian Kuching. Kawasan-kawasan yang telah selesai kerja-kerja penyelidikan seperti sekitar Petra Jaya, Bau, Samarahan, Simunjan, Padawan, dan Batu Kawa.

Selain menggunakan metode penyelidikan, Unit Pembinaan dan Penyelidikan Sastera juga turut menganjurkan Peraduan Penulisan Semula Cerita Rakyat dengan pelbagai kategori. Tujuan penganjuran peraduan selain mengasah bakat penulis-penulis tempatan ia juga sebagai platform untuk DBP mengumpul seberapa banyak cerita rakyat untuk didokumentasi serta diterbitkan. Usaha-usaha pelestarian ini bukan didukung oleh DBP semata-mata. Melalui penerbitan buku berpakej yang dilancarkan baru-baru ini, DBP berharap dan amat mengalu-alukan mana-mana badan mahupun tenaga pakar untuk sama-sama berganding bahu serta bersama-sama menggerakkan kerja-kerja melestarikan khazanah budaya tempatan, bak kata pepatah 'tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas'.